

# **Bangsawan<sup>1</sup> Kampung Sarawak: Agensi Kesenian Yang Merealisasikan Aspirasi Masyarakat Melayu Sarawak**

oleh

**Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah**

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan Sarawak  
anafifah@faca.unimas

## **Abstrak**

Kedatangan bangsawan ke Sarawak sebagai kesenian popular dari Tanah Melayu dan Singapura sekitar awal abad kedupuluh, diterima baik dalam kalangan masyarakat Sarawak, terutamanya Melayu. Kelebihan bangsawan berbanding kesenian masyarakat tempatan, telah memberi aspirasi kepada segelintir pemimpin dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak untuk memanipulasinya sekitar lewat 1940an bagi menangani masalah sosial, politik dan ekonomi masyarakat tersebut. Manipulasi ini, pada akhir 1950an telah bertindak sebagai agen bagi memanifestasi sebahagian dari cita-cita yang didukung oleh pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak dalam memartabatkan bangsa tersebut.

Kertas kerja ini akan memperbincangkan secara sepintas lalu keadaan sosial, politik dan ekonomi masyarakat Melayu Sarawak pada zaman pasca

---

<sup>1</sup> Drama-drama sandiwara mula muncul di Indonesia dan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Sandiwara merupakan bentuk teater yang baru dan lebih realistik sifatnya berbanding bangsawan (Nur 1992: 36). Walau bagaimanapun istilah sandiwara yang digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak selepas Perang Dunia Kedua bukan seperti yang dimaksudkan oleh Nur Nina Zurah (1992: 36). Sandiwara atau wayang-wayang yang dipentaskan di Sarawak, dari segi bentuk dan strukturnya adalah bangsawan (Utusan Sarawak 8 Ogos 1949: 4).